



PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR
UNIT PENYELARASAN PERLAKSANAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)
ARAS 5, 6, 7 & 8, MENARA UBSA,
PUSAT DAGANGAN UMNO SHAH ALAM,
PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11,
40100 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03 - 55213600
Fax : 03 - 55100478

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

KERJA-KERJA MENGECAT, PEMBAIKAN PEMEGANG TANGGA/HANDRAIL, KEROSAKAN INFRA STRUKTUR ASAS DAN KEMUDAHAN AWAM SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI PKNS BLOK 19, 20 DAN 21, SEKSYEN 8, SHAH ALAM.

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor bertaraf **Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** serta Perakuan Pendaftaran :
GREED : **G2**
KATEGORI : **B, CE**
PENGKHUSUSAN : **B04, B14, CE21**
dan yang masih dibenarkan menyertai sebutharga ini.
2. Lawatan tapak akan diadakan pada **01 Mac 2018 (Khamis)** di tapak projek pada pukul **10:00 pagi**. Penyebutharga mesti membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** (ASAL dan SALINAN). **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB DAN SPKK SAHAJA BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI LAIN SELAIN DARIPADA PENAMA YANG DIBENARKAN DALAM CIDB DAN SPKK.**
3. Hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebutharga. Borang sebutharga boleh diperolehi mulai **05 Mac 2018 (Isnin)** di Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor, Aras 7, Menara UBSA, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor dengan membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** (ASAL dan SALINAN). Wakil kontraktor mestilah membawa **Surat Wakil Kuasa**.
4. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama **salinan** pendaftaran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditandakan **"PPPNS/PETALING/(07)/2018/(23)"** disudut atas sebelah kiri sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor di Tingkat 5** sebelum tarikh dan masa tawaran ditutup.
5. Sebutharga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor Tingkat 5, sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada **12 Mac 2018 (Isnin)**.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau pun terikat kepada mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

(KHAIRULZAMAN BIN HJ. SAAD)
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Teknikal)

Tarikh : Februari 2018